

GARISPANDUAN UNTUK KAWALAN PEMAJUAN DI KAWASAN JALAN DUNN

1.0 Kawasan Pemakaian

Garis panduan yang dicadangkan akan terpakai kepada lot-lot yang ditunjuk dalam pelan MPPP/PN-0002 (PG/JD) (88/A2) (Lampiran A).

2.0 Jenis Pemajuan

Hanya pemajuan kediaman dibenarkan dan hendaklah dihadkan kepada rumah-rumah jenis sesebuah dan rumahpangsa mewah berketinggian rendah.

Rumah jenis deret, sebandung dan pemajuan perumahan kos rendah tidak akan dibenarkan.

3.0 Kawalan Ketumpatan

Ketumpatan yang dibenar (permissible density) adalah tidak lebih dari 10 unit seekar, dan ketumpatan maksima (maximum density) adalah 20 unit seekar dengan dikenakan bayaran pemajuan mengikut garis panduan yang sediaada. Tiada penukaran ruang lantai sepadan akan dibenarkan.

4.0 Kawalan Ketinggian

Pemajuan baru di atas lot-lot yang tersebut tidak dibenarkan melebihi 3 tingkat sahaja.

5.0 Garis bangunan

Garis bangunan bagi Jalan Dunn akan dikekalkan pada 50' 0" dari garis pelebaran jalan. Walaupun ini tidak terpakai kepada lot-lot di persimpangan Jalan Perak & Lebuhraya Peel di mana garis bangunan yang sediaada akan kekal.

6.0 Lega minima dari sempadan lot

Had lega minima dari sempadan lot di tepi dan di belakang adalah ditetapkan pada 10 kaki untuk bangunan-bangunan 3 tingkat seperti diamalkan sekarang.

7.0 Tarikh Pelaksanaan

Tarikh pelaksanaan adalah tarikh garis panduan ini diluluskan dan dipakai dengan rasminya.

i) Permohonan yang belum diputuskan

Tarikh pelaksanaan ini terpakai juga kepada permohonan yang belum diputuskan.

DILULUSKAN OLEH MAJLIS PADA 09.12.1988.

MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

JABATAN PERANCANGAN
BANDAR DAN PEMBANGUNAN

GARISPANDUAN UNTUK KAWALAN
PEMAJUAN DI KAWASAN
JALAN DUNN

(Pelan No. MPPP/PN-002(PG/JD)(88/A2)

PETUNJUK



PEMAJUAN TIDAK DIBENARKAN
MELEBIHI 3 TINGKAT



GARISAN BANGUNAN 50 KAKI
DARI SEMPADAN REZEB JALAN

